



QARINAH: SATU ALAT PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH

OLEH

SIDI AHMAD ABDULLAH

KERTAS PROJEK INI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
KURSUS DIPLOMA PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESI 1991/92

KULLIAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
(UIA)

ABSTRAK

Kertas projek ini ialah secebis kajian mengenai Qarinah sebagai satu alat pembuktian dalam Kehakiman Islam. Kajian ini dibahagikan kepada empat bab:

Dalam bab pertama penulis menghuraikan tentang kepentingan pembuktian dalam sesuatu prosiding kehakiman, perbezaan antara keterangan dan kesaksian serta alat-alat pembuktian.

Dalam bab kedua penulis membincang secara khusus mengenai Qarinah sebagai alat bukti dari pengertiannya, pandangan ulamak tentang penggunaan Qarinah serta hujah-hujah golongan-golongan yang bertentangan. Penulis juga mengulas tentang pemakaian Qarinah dalam mazhab-mazhab fiqh jenis-jenis Qarinah mengikut undang-undang dan fiqh Islam.

Dalam bab ketiga penulis menghuraikan tentang Qarinah dalam Undang-undang Keterangan masa kini seperti yang terdapat dalam Majallat al-Ahkam al-Adiliyyah dan dalam Enakmen-Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah.

Dalam bab empat penulis cuba membentangkan penggunaan Qarinah secara praktikal menerusi kes-kes jenayah dan sivil yang telah pun diputuskan di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia.

PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah, penulis bersyukur kehadiran Allah (S.W.T.) yang telah memberi kudrat untuk menyiapkan kajian yang kecil ini sebagai satu hasil kajian ilmiah.

Dalam kesempatan ini penulis ingin mengucapkan syabas kepada tenaga pengajar dan mahaguru-mahaguru Kulliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa yang telah berkerja bertungkus lumus untuk menyumbang ke arah kebangkitan sistem perundangan dan kehakiman Islam dalam kehidupan moden. Secara khususnya penulis amat menghargai pimpinan dan panduan yang diberi oleh penyelia kajian Prof. Dr. Mahmood Saedon Awang Othman dan al-Ustaz Haji Mohammad b. Abu Bakar, yang banyak menggerak daya usaha penulis dalam membuat kajian dalam bidang Kehakiman Islam ini.

Penghargaan juga diberi kepada seluruh tenaga pengajar (DAIJ) yang telah mencurahkan ilmu dan pengalaman sepanjang kursus yang penulis ikuti.

Penghargaan yang sama juga dirakamkan kepada semua kakitangan Kulliah Undang-Undang Universiti Islam

Antarabangsa yang telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada penulis.

Usaha gigih, kerjasama, pertolongan yang penulis terima semasa kursus penulis serahkan kepada Allah (S.W.T.) untuk memberi ganjarannya, insya Allah.

Sidi Ahmad Abdullah
Fakulti Syariah
Akademi Islam
Universiti Malaya.

QARINAH : SATU ALAT PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH

Muka Surat

BAB PERTAMA : PEMBUKTIAN DAN KETERANGAN	1
i - PENDAHULUAN	1
ii - PEMBUKTIAN DALAM KEHAKIMAN	2
iii - BEBAN PEMBUKTIAN	3
iv - PEMBUKTIAN ADALAH TUNTUTAN AGAMA	4
v - KETERANGAN DAN KESAKSIAN	9
vi - WASAIL AL-ITHBAT - ALAT-ALAT PEMBUKTIAN	15
BAB KEDUA : - QARINAH SATU ALAT BUKTI	19
i - PENGERTIAN QARINAH	20
ii - PANDANGAN ULAMAK TENTANG PENGGUNAAN QARINAH	25
iii - HUJAH GOLONGAN PERTAMA	28
iv - HUJAH GOLONGAN YANG MENOLAK QARINAH	35
v - PEMAKAIAN QARINAH DALAM PENGHAKIMAN	37
vi - HUJAH GOLONGAN KEDUA	40
vii - HUJAH GOLONGAN KETIGA	41
viii - PEMAKAIAN QARINAH DALAM MAZHAB FIQH	46
ix - JENIS-JENIS QARINAH MENGIKUT UNDANG-UNDANG	50
x - QARINAH QADAIYYAH	55
xi - QARINAH TABIYYAH	57

xii - JENIS-JENIS QARINAH MENGIKUT FIQH ISLAM	58
xiii - QARINAH QANUNIYYAH	59
BAB KETIGA : QARINAH DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN	
i - MEMPERKANUN FIQH	63
ii - MAJALLAT AL-AHKAM	64
iii - QARINAH DALAM MAJALLAT	65
iv - QARINAH DAN ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN	70
v - ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH 1991	71
BAB KEEMPAT : - KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH SYARIAH	84
i - KES JENAYAH	84
ii - KES-KES MAL	99
RUMUSAN	110
BIBLIOGRAFI	113

BAB PERTAMA

PEMBUKTIAN DAN KETERANGAN

Pendahuluan

Melaksanakan proses kehakiman yang 'adil adalah satu tuntutan Islam. Keadilan dalam penghakiman bererti menjatuhkan hukuman dengan tepat seperti yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. berdasarkan kepada keterangan dari pihak-pihak terlibat:

"Dan jika engkau menghukum maka hukumlah mereka dengan 'adil kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berlaku 'adil".¹

Keadilan tidak dapat ditegakkan kecuali melalui sistem undang-undang yang 'adil, pelaksanaan sempurna, bukti dan keterangan tepat. Undang-undang yang 'adil dapat dirasakan kesannya apabila ditadbir dengan sempurna. Sehubungan dengan ini, pihak-pihak bertanggungjawab mentadbir dan melaksanakan undang-undang hendaklah benar terdiri dari orang-orang yang benar-benar layak dan memahami fungsinya, memahami selok belok alat-alat keterangan atau hujah yang diberi di dalam mahkamah.

¹al-Maidah : 42.

Aturcara mahkamah atau prosedur kehakiman perlu didedahkan serta difahami sepenuhnya oleh para pegawai mahkamah yang terdiri dari hakim, hakim pendakwa, pendaftar, pegawai-pegawai mahkamah termasuk para peguam.

Pembuktian Dalam Kehakiman

Dalam proses penghakiman, bukti adalah amat penting untuk memastikan sesuatu pendakwaan dapat dihakimi dengan adil lagi saksama. Tanpa bukti keadilan tidak dapat ditegakkan walau sebaik mana sesuatu undang-undang itu:

"Wahai orang mukmin, sekiranya seorang fasiq datang memberi perkhabaran kepada kamu, hendaklah terlebih dahulu menyiasat buktinya untuk menentu kesahihannya. Takut-takut kamu menuduh atau memutuskan sesuatu hukuman ke atas sesuatu kaum tanpa usul periksa, kamu menyesal kemudian nanti".¹

Ayat ini jelas menerangkan tentang keperluan keterangan dalam proses memutuskan sesuatu hukuman.

Allah S.W.T. menuntut kita supaya menghukum berdasarkan keadilan dengan mengikut tatacara yang

¹al-Hujurat : 5.

telah diturunkan olehNya, di samping melarang kita dari menghukum mengikut hawa nafsu. Menghukum berdasarkan keadilan ertinya menghukum bersandarkan keterangan serta hujah yang sampai ke tahap yakin. Manakala menghukum mengikut hawa nafsu pula ialah mensabitkan sesuatu kes berdasarkan kepada bahan bukti yang tidak pasti, syak waham dan sebagainya.

Beban Pembuktian

Beban membuktikan ialah sebanyak manakah sesuatu keterangan itu diperlukan untuk membolehkan disabit sesuatu kesalahan. Dalam erti kata, "Beban Bukti" ialah membicarakan jumlah keterangan yang mesti dikemukakan terhadap sesuatu kes atau setakat mana tahap pembuktian yang diperlukan untuk mensabitkan sesuatu kes dalam Islam. Mensabitkan sesuatu kes bermakna mengemukakan keterangan dan memberikan bukti hingga sampai kepada tahap yakin. Keyakinan ini pula adalah sabit melalui penglihatan atau keterangan dan dalil.¹

Seorang kadi diberi seluas-luas peluang berijtihad untuk mendapatkan keyakinan yang pasti atau "al-Zan al-Ghalib" sangkaan yang hampir pasti bagi menentukan kesahihan hujah-hujah pendakwa atau yang

¹Prof. Mahmood Saedon - Undang-undang Keterangan Islam, m.s. 16.

kena dakwa, dengan menggunakan pelbagai wasilah atau cara yang dapat menyakinkan pegangannya. Seorang kadi (hakim) tidak harus sama sekali menjatuhkan hukuman kecuali beliau berpuas hati dengan alasan-alasan yang diperdebatkan di mahkamah.

Pembuktian Adalah Tuntutan Agama

Menjatuh hukuman dengan 'adil adalah suatu kewajipan terhadap Allah S.W.T. dan menjadi tuntutan agama.

"Dan jika engkau menjatuh hukuman maka hukunlah dengan adil kerana sesungguhnya Allah pengasihi orang-orang yang berlaku adil".¹

Keadilan yang sebenar tidak dapat diwujudkan kecuali melalui undang-undang yang adil, hakim yang berkalibar dan berwibawa, keterangan yang tepat dan pembuktian yang teguh.

"Wahai Daud, sesungguhnya kami telah menjadikan mu Khalifah di bumi, maka laksanakanlah hukum di antara manusia dengan (hukum Syariah) yang benar (yang diwahyukan kepadamu) dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menghalang mu dari jalan Allah S.W.T."²

¹al-Maidah : 42.

²Sad : 26.

Walaupun ayat ini diturunkan kepada Nabi Daud, namun ianya juga melibatkan semua kaum muslimin yang bertanggungjawab menegakkan kebenaran dan keadilan undang-undang. Amanat yang besar ini tidak dapat dilaksanakan kecuali dengan mentadbirkan undang-undang itu dengan penuh bijaksana berdasarkan fakta-fakta yang tepat serta penyiasatan yang rapi.

Seseorang hakim menjatuh hukuman berdasarkan fakta-fakta dan keterangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang bertikai. Siapa yang mampu membawa hujah yang lebih kuat, keputusan hakim akan berpihak kepadanya. Hakim memberi keputusan berdasarkan zahir dan kekuatan hujah bukannya kebenaran yang hakiki.

Rasulullah S.W.T. menegaskan kepada dua pihak yang sedang bertikai di hadapannya:

"Kamu bertikai di hadapan ku. Antara kamu ini ada pihak yang petah berhujah serta pakar berdebat dan berguan. Aku memutuskan hukuman berdasarkan keterangan yang zahir. Tetapi kamu mesti ingat bahawa sekiranya aku memutuskan hukuman berpihak kepada salah seorang daripada kamu sedangkan kamu tidak berhak, seolah-olah kamu menganbil atau makan seketul Api Neraka. Aku menghukum berdasarkan keterangan zahir sedang Allah mengurus serta mengetahui hakikat sesuatu".¹

¹Sahih Muslim, Syarh an-Nawawi Jld. 12, m.s. 4.

Tanpa keterangan yang nyata dan tepat sudah pasti keadilan tidak dapat ditegakkan. Orang yang tampil ke muka pengadilan memberi keterangan serta mengemukakan seharusnya menganggap dirinya menjadi saksi kerana Allah, dan ianya merupakan ibadat bernilai di sisi Allah S.W.T.

"Wahai orang-orang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibubapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbangrasa, kerana Allah lebih bertimbangrasa kepada kedua-duanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutar belitkan keterangan ataupun enggan (menjadi saksi) maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan pendalan akan apa-apa yang kamu lakukan".¹

Ayat ini menjelaskan bahawa keterangan dan kesaksian hendaklah diberi tanpa pilih kasih walaupun bertentangan dengan kepentingan peribadi. Saksi-saksi yang dipanggil ke mahkamah adalah saksi mahkamah yang bertujuan menegakkan keadilan Allah bukannya saksi pihak-pihak yang terlibat. Oleh itu tidak timbul saksi belot terhadap pihak yang menjadikannya saksi bagi menyokong kesnya. Mengikut sistem Islam, semua pihak

¹an-Nisa : 135.

bertanggungjawab menegakkan keadilan mutlak. Kemenangan dalam perbicaraan bermakna kejayaan menegakkan keadilan dan memberikan hak kepada yang memang berhak dan bukan kemenangan untuk merebut hak daripada orang yang berhak.

Orang yang benar-benar mempunyai maklumat dan mengetahui fakta-fakta dituntut supaya memberi kerjasama kepada pihak mahkamah samada dengan memberi keterangan atau menyatakan keterangan. Jika mereka enggan, bererti mereka tidak mentaati perintah Allah dan mereka berdosa:

"Dan janganlah saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi".¹

"Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan ingatlah Allah sentiasa mengetahui akan apa-apa yang kamu kerjakan".²

Ayat-ayat di atas telah menyatakan dengan jelas tentang kepentingan kesaksian dan keterangan dalam proses kehakiman untuk menegak keadilan Islam sejati. Ianya merupakan tuntutan agama. Di samping al-Quran

¹al-Baqarah : 283.

²Ahmad Saad Ali (ed), Sunan Abi Daud, Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir 1952, Jil. 2. m.s. 170.

terdapat beberapa hadis yang menerang secara terperinci dan praktikal proses kehakiman yang berlaku di zaman awal Islam yang menyatakan dengan jelas kepentingan keterangan dan pembuktian dalam proses perbicaraan.

Menurut riwayat Abu Daud:

"Sayidina Ali berkata: Rasulullah telah mengutus aku ke Negeri Yaman untuk menjadi kadi. Aku pun berkata kepada Rasulullah Ya Rasulullah, tuan mengutusku sedangkan ku masih muda dan tidak mengetahui tentang kehakiman. Rasulullah S.A.W. berkata, "Sesungguhnya Allah akan memberikan hidayahNya kepada hati engkau dan menetapkan lidahmu. Jika datang dua orang bertikai duduk di hadapanmu, maka janganlah engkau menjatuhkan hukuman sehingga engkau mendengar (hujah dan keterangan) pihak kedua seperti engkau mendengar pihak pertama, kerana itulah yang lebih layak dilakukan agar jelas bagimu untuk menjatuhkan hukuman. Sayidina Ali berkata: sejak itu aku tidak berasa sangsi dalam menjatuhkan hukuman".¹

Hadis ini menyatakan garis panduan kepada para hakim dalam proses perbicaraan. Seorang hakim mesti berlapang dada mendengar hujah dan keterangan pihak-pihak yang bertikai. Hukuman yang adil serta tepat tidak dapat dizahirkan jika keterangan dan hujah tidak

¹Sahih Muslim, Syarh an-Nawawi al-Maktabah al-Masriah, Mesir 1924, Jil. 12, m.s. 4.

dikemukakan dengan jelas atau pihak yang bertikai tidak diberi peluang yang wajar untuk mengemukakan bukti kebenarannya dan mempertahankan haknya.

Dalam sesuatu perbicaraan itu, mungkin orang yang lebih petah dan pandai mengemukakan keterangan hujahnya akan berjaya dalam tuntutan atau dakwaannya, kerana kemampuannya menyakinkan hakim. Namun demikian tidak bermakna dan kebenaran itu di pihaknya. Kalau ini berlaku bermakna ia telah melakukan kezaliman yang dimenanginya itu pada hakikatnya ialah dosa, kebatilan dan api neraka.

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa hukuman hendaklah berdasarkan keterangan dan hujah. Tanpa keterangan dan hujah, hukuman tidak dapat dijatuhkan dan keputusan tidak akan dapat diberi dengan sewajarnya.

Keterangan Dan Kesaksian

Keterangan dalam sesuatu perbicaraan adalah penting. Setiap hukuman yang diputuskan mestilah berdasarkan keterangan yang diberi. Keterangan yang nyata dan jelas boleh memudahkan mahkamah memberi keputusan yang muktamad. Keterangan yang samar-samar menyukarkan mahkamah dalam memutuskan hukuman yang setimpal.

Dalam undang-undang Islam, keterangan dikenali dengan istilah Bayyinah. Dari segi bahasa bayyinah bermakna jelas, terang dan nyata. Dari segi istilah undang-undang Islam, ialah apa sahaja yang menjelaskan atau menerangkan sesuatu yang hak atau kebenaran oleh yang demikian. Sesiapa yang mengkhususkan kepada kesaksian dua orang saksi atau empat atau seorang saksi lelaki, bererti telah tidak menepati pengertiannya yang sebenar.¹

Pengertian bayyinah yang dibuat oleh Ibn Qayyim ini adalah luas dan menyeluruh, meliputi apa-apa sahaja yang menjelas, menerang atau membuktikan kedudukan atau keadaan sesuatu hak atau kepentingan yang boleh diambil kira oleh kadi atau mahkamah dalam memberikan hak kepada yang berhak atau menjatuhkan hukuman dengan adil lagi saksama. Ini bermakna bayyinah merangkumi semua jenis keterangan dalam Islam samada yang disepakati oleh ulamak, seperti ikrar, sumpah serta kesaksian dan yang tidak disepakati oleh mereka; seperti ilmu al-Qadi, Qarinah, radd alyamin, nukul alyamin, khabar Ahad, khabar Istifadah, khabar Muwatir Firasat dan seterusnya.²

¹Ibn Qayyim, at-Turuq al-Hukmiyyah, Mesir m.s. 14.

²Prof. Mahmood Saedon: Undang-Undang Keterangan Islam, m.s. 9.

Menurut Ibn Qayyim lagi; "Tidak dapat disangsikan bahawa kesaksian adalah salah satu jenis keterangan (Bayyinah). Bagaimanapun adakalanya keterangan jenis lain lebih kuat dan kukuh daripada kesaksian, kerana adanya suasana atau keadaan yang menunjukkan dakwaan orang yang mendakwa itu benar, lebih kuat daripada kesaksian seorang lelaki. Keterangan, hujah, burhan, ayat, tafsirah, 'alamah dan amanah semuanya mengandungi makna yang hampir sama. Sejarah Islam tidak menafikan hujah dan keterangan yang berupa Qarinah, alamat dan keadaan serta kedudukan sesuatu hak. Bahkan terdapat banyak sumber dari sejarah perundangan Islam di mana para ulamak telah mengambil kira kesemuanya itu dalam proses perbicaraan atau menjatuhkan hukuman.¹

Para ulamak telah berselisih pendapat tentang maksud bayyinah. Apakah ianya bererti kesaksian sahaja atau mencakupi perkara-perkara lain seperti yang dijelaskan di atas. Dalam hubungan ini, ada dua pendapat:

Pertama: Mereka berpendapat bahawa keterangan (Bayyinah) itu ialah kesaksian sahaja. Ini bermakna bayyinah dan kesaksian itu adalah dua perkataan yang sama maksudnya. Pendapat ini adalah disebut sebagai

¹Ibn Qayyim at-Turuq al-Hukmiyyah, m.s. 14.

pandangan Jumhur al-ulama. Dalil-dalil mereka:

(i) Al-Quran telah menggunakan kesaksian sebagai keterangan:

"Orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang-orang fasik.¹

(ii) Rasulullah S.A.W. telah menggunakan perkataan keterangan dalam beberapa hadis baginda yang dimaksudkannya dengan kesaksian:

Anas b. Malik berkata: "Lian yang pertama berlaku dalam Islam ialah apabila Hilal b. Umaiyyah telah menuduh isterinya melakukan zina dengan Syuraik bin Sahma. Rasulullah S.A.W. telah bersabda kepada Hilal: "Berilah keterangan (saksi) dan jika engkau tidak memberikan keterangan (saksi) maka hukuman hudud (kerana menuduh zina) akan

¹an-Nur : 4.

dikenakan ke atas belakang mu".¹

Kedua

Ibn Qayyim, Ibn Hazam dan ulama yang sependapat dengan mereka mengatakan bahawa keterangan itu adalah umum. Setiap sesuatu yang menjelaskan atau menerangkan hak adalah keterangan. Kesaksian adalah sejenis keterangan. Dalil-dalil mereka:

- (i) Al-Quran menyebut perkataan 'keterangan' tidak dimaksudkan dengan kesaksian sahaja tetapi yang sebenarnya bermaksud hujah, dalil dan keterangan yang jelas.²

"Dan sesungguhnya, kami telah (binasakan bandar itu dan telah) tinggalkan bekas-bekasnya sebagai satu tanda yang nyata bagi orang-orang yang mahu memahaminya".³

"Katakanlah, sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (al-Quran) daripada Tuhanku".⁴

¹Izuddin Balq, Manhaj as-Salihin, Beirut 1398, cetakan pertama, m.s. 586.

²Muhammad Salam Madkur, al-Qadafi al-Islam, Mesir 1964, m.s. 63.

³al-Ankabut : 35.

⁴al-An-Am : 57.

(ii) Terdapat Hadis Rasulullah S.A.W. yang menyebut perkataan keterangan yang tidak hanya bermaksud kesaksian semata-mata:

"Keterangan atas pihak yang mendakwa dan sumpah pula atas pihak yang didakwa".¹

Pendapat Ibn Qayyim dan ulama yang bersetuju dengannya menunjukkan mereka menerima apa-apa sahaja bentuk keterangan setakat boleh membantu menjelas, menerang atau membuktikan kes yang dibicarakan atau perkara yang dipertikaikan dan boleh menegakkan keadilan.

Pendekatan Ibn Qayyim ini berjaya membuktikan kesesuaian, keunggulan dan keadilan undang-undang keterangan Islam untuk setiap tempat, masa dan seluruh umat manusia.

Perbezaan antara keterangan dengan kesaksian, ialah keterangan lebih umum daripada kesaksian. Sebahagian daripada keterangan telah dapat menyelesaikan beberapa persoalan yang timbul dalam undang-undang keterangan Islam seperti seorang anak tidak boleh menjadi saksi bagi ayahnya. Isteri pula tidak boleh menjadi saksi bagi suaminya. Kanak-kanak belum baligh

¹as-Syaukani, Muhamad b. Ismail, Subulussalam, m.s. 132.

tetapi mumayyiz tidak diterima kesaksiannya. Berdasarkan ini, walaupun mereka tersebut tidak boleh memberi kesaksian kerana adanya tohmah atau syubhah atau tidak cukup syarat untuk menjadi saksi, tidaklah bermakna mereka tidak boleh memberi keterangan. Terpulanglah kepada mahkamah samada menerima keterangan mereka atau menolaknya.¹

Wasail al-Ithbat - Alat-alat Pembuktian

Dalam sesuatu kes tuntutan yang dibuat oleh orang yang menuntut di mahkamah, hakim hendaklah memintanya menyatakan dengan jelas tentang tuntutannya terhadap orang kena tuntutan. Kemudian hakim mengemukakan tuntutan itu kepada orang kena tuntutan untuk mendapat jawapannya. Sekiranya orang kena tuntutan berikrar atas segala tuntutan itu, sabitlah hukuman ke atasnya. Dan sekiranya beliau ingkar segala tuntutan itu, hakim bolehlah meminta pihak yang menuntut mengemukakan keterangan seperti saksi yang adil. Kiranya hakim berpuashati dengan keterangan yang diberi itu sabitlah tuntutan itu dan hakim bolehlah mengeluarkan perintah hukuman bagi pihak yang menuntut. Sekiranya orang yang menuntut tidak mampu mengemukakan keterangan yang menyakinkan mahkamah, hakim bolehlah

¹Prof. Mahmood Saedon: Undang-Undang Keterangan Islam, m.s. 12.

meminta pihak yang kena tuntutan bersumpah. Sekiranya orang kena tuntutan bersumpah maka tuntutan itu boleh dianggap terbatal. Dan sekiranya orang yang kena tuntutan enggan bersumpah, hakim boleh menganggap bahawa orang kena tuntutan telah berikrar dan sabitlah hak ke atasnya dan hakim bolehlah memutuskan hukuman berdasarkan keenggannya atau selepas memulangkan sumpah itu kepada orang yang menuntut.

Alat pembuktian yang boleh diguna di mahkamah boleh dibahagikan kepada dua kategori; pertama, ialah yang disepakati oleh para ulama tentang penerimaannya untuk pembuktian dan yang keduanya ialah alat-alat yang tidak disepakati oleh mereka tentang penerimaannya. Alat pembuktian yang disepakatinya ialah:

- (i) Kesaksian
- (ii) Iqrar
- (iii) Nukul al Yamin (keenggannya orang kena tuntutan dari bersumpah).

Manakala alat-alat yang tidak disepati^{Ka} tentang penerimaannya pula¹ ialah:

- (i) Ilmu al-Qadi
- (ii) Kitabah (catatan)
- (iii) Qarinah-Qarinah

¹Dr. Ab. Karim Zaidan; Nizam al-Qada Fi as-Syariat al-Islamiyyah, Baghdad 1984, m.s. 155.

- (iv) Pendapat pakar
- (v) Khabar
- (vi) Qiyafah
- (vii) Qasamah
- (viii) Lian
- (ix) Undian

Dalam hubungan ini Ibn al-Qayyim dan ulamak-ulamak yang bersetuju dengannya apa-apa sahaja bentuk keterangan atau bahan bukti setakat boleh membantu, menjelas, menerang atau membuktikan kes yang dibicarakan atau yang dipertikaikan dan boleh menegakkan keadilan. Beliau telah mengemukakan 26 prinsip undang-undang keterangan Islam dalam kitabnya yang terkenal at-Turuq al-Humiyyah.¹

Dalam kes jenayah, syariah Islam hampir sama dengan undang-undang ciptaan manusia dalam menerima alat-alat bukti yang boleh digunakan dalam perbicaraan:

- (i) Keterangan Saksi
- (ii) Iqrar
- (iii) Qarinah
- (iv) Pendapat pakar
- (v) Ilmu al-Qadi

¹Prof. Mahmood Saedon: Undang-Undang Keterangan Islam, m.s. 12.